

## PENDEKATAN DAKWAH *TARGHĪB* DAN *TARHĪB* DALAM MEMBINA ADAB REMAJA

(*Targhīb* and *Tarhīb* Da'wah Approaches in Building a Adolescent Manners)

<sup>1</sup> NOR AZIZAH MUSTAPHA

<sup>1,2</sup> FARIZA MD SHAM

<sup>1</sup> AHMAD IRDHA MOKHTAR

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia.

---

### ABSTRAK

Perubahan sosiobudaya masyarakat mempengaruhi gaya hidup remaja, seterusnya memberi kesan kepada adab dan tingkah laku remaja. Remaja menghadapi pelbagai masalah yang melibatkan pelanggaran syariat Islam antaranya gejala sosial dan isu akidah. Masalah ini boleh memberi kesan dalam membentuk tamadun sekiranya pengamalan agama dari segi akidah, ibadah dan akhlak tidak difokuskan. Peranan remaja sebagai agen untuk membentuk peradaban perlu dipertingkatkan kerana mereka pemimpin masa depan. Oleh itu, makalah ini mengkaji pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* dan keberkesanannya untuk mengubah remaja yang beradab dan memantapkan akidah remaja. Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis kandungan daripada sumber data kajian iaitu daripada al-Quran, buku karangan sarjana Islam, jurnal, laporan, kertas seminar dan juga kajian dalam tesis. Makalah ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* dalam membina peradaban remaja dalam tiga elemen iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Akidah yang tidak kukuh memberi kesan kepada tingkah laku, akhlak, psikologi dan kepercayaan remaja. Secara keseluruhannya, didapati tiga elemen asas untuk menjadikan remaja yang mempunyai peradaban yang mantap ialah akidah, ibadah dan akhlak. Pemantapan elemen ini penting kerana remaja merupakan agen perubahan masyarakat, pemimpin masa depan yang akan menerajui peradaban dan agen

membentuk peradaban. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* konsep yang bersesuaian dengan jiwa remaja dalam membentuk satu tamadun dan membina peradaban remaja yang mengamalkan ajaran Islam.

**Kata kunci:** Peradaban; remaja; dakwah; *targhīb* dan *tarhīb*

### **ABSTRACT**

*Socio-cultural changes in the community influence adolescents' lifestyles, thus affecting adolescents' morals and behaviors. Adolescents face a wide range of issues involving violations of Islamic rulings and Sharia law, including social problems and issues of aqidah. These problems can affect the forming of civilization if practice of religion in terms of aqidah, worship and morals is given a proper attention. The role of adolescents as agents in shaping civilization needs to be enhanced as they will become future leaders. Therefore, this study was conducted to study the da'wah approach in terms of targhīb and tarhīb and its effectiveness in transforming civilized adolescents and strengthening the adolescents' aqidah. This article uses qualitative methods of analyzing content from research sources such as the Quran, Islamic scholarly books, journals, reports, seminar papers and even thesis studies. This article focuses on da'wah approach in terms of targhīb and tarhīb in building civilized adolescent using three elements, namely aqidah, worship and morals. The weakening of aqidah affect adolescents' behavior, morals, psychology and beliefs. There three basic elements found to build adolescents with strong civilization, namely, aqidah, worship and morals. Strengthening these element is important as adolescents are agents of social change, future leaders who will lead civilization and agents of civilization. The results of the study also show that the targhīb and tarhīb approach are conceptually relevant to the adolescents' spirit in shaping a civilization and building a adolescent civilization that practicing Islam.*

**Keywords:** Civilization; adolescent; da'wah; *targhīb* and *tarhīb*

### **PENDAHULUAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Kamus Dewan 2007), peradaban berasal daripada perkataan “adab” yang merujuk tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus dan kesopanan. Istilah adab juga ditakrif sebagai telah maju tingkat kehidupan (jasmani dan rohani) dan bertamadun. Untuk mencapai ketamadunan sesebuah masyarakat, perlu mempunyai peradaban yang tinggi terutama dalam kalangan generasi muda yang berfungsi sebagai penggerak kepada proses ketamadunan (Fariza 2017). Peradaban yang tinggi ini akan terhasil melalui tiga elemen utama dalam agama Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Pengukuhan

pegangan agama berasaskan ketiga-tiga elemen ini perlu dibentuk bagi menjamin kelangsungan sesebuah peradaban untuk berdiri kukuh. Perkaitan antara tamadun dan agama memberikan implikasi atas kejatuhan tamadun (Ahmad Zaki et al. 2015). Ini adalah kerana pengamalan agama yang mantap akan memberi kesan kepada akhlak remaja. Oleh itu, apabila sesuatu tamadun tidak mengamalkan elemen agama iaitu dari segi akidah, ibadah dan akhlak, maka berlaku keruntuhan tamadun.

Dalam hal ini, pemantapan dan pengukuhan pengamalan Islam dalam kalangan remaja amat penting kerana golongan ini sebagai agen perubahan, agen untuk membentuk peradaban serta pemimpin masa depan yang akan menerajui peradaban. Remaja masa kini daripada golongan generasi Z memerlukan kekuatan dari sudut rohani dan keagamaan dalam membina peradaban yang utuh. Gen Z yang begitu obses dengan media sosial, mudah terpengaruh dengan perkara yang disebar dalam media sosial tersebut, termasuk hal yang boleh mengancam akidah seperti fahaman agama yang menyeleweng dan budaya atheis (Fariza 2018). Penghayatan akidah yang tinggi perlu dititikberatkan kerana golongan ini menjadi sasaran fahaman yang mengelirukan, seterusnya boleh membawa kepada permasalahan akidah dan gejala murtad (Muhamad Faiz et al. 2012). Ini kerana, akidah merupakan asas utama yang perlu dimantapkan yang melengkapkan pengamalan agama dari sudut ibadah dan akhlak seseorang individu.

Akidah merupakan sumber akhlak dan budi pekerti seseorang Islam. Pemantapan akidah kalangan generasi baharu yang terdiri daripada kalangan remaja perlu diberi perhatian sewajarnya. Dalam menentukan tahap umur remaja, terdapat pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang psikologi. Menurut Dolgin (2011) umur remaja dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu awal remaja (12-14 tahun), pertengahan remaja (15-17 tahun) dan remaja akhir (18-19 tahun). Melalui perspektif Islam pula, remaja dianggap sudah cukup umur atau diistilahkan sebagai baligh. Menurut <sup>U</sup>Ulwān (1992) usia anak terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat pertama antara usia 10 hingga 15 tahun, peringkat kedua iaitu usia baligh hingga 20 tahun manakala peringkat ketiga melebihi usia 20 tahun. Remaja juga bermaksud semakin meningkat kematangan, bermula antara 10 tahun hingga 25 tahun. Remaja dan belia daripada perspektif Islam dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat selepas bermimpi yang usianya bermula pada 12 tahun atau 13 tahun sehingga ke 21 tahun dan peringkat kedua iaitu peringkat kematangan bermula daripada usia 22 tahun hingga 30 tahun (Rohana & Norhasni 2014). Jelas bahawa perkembangan remaja berkait rapat dengan perkembangan seksual iaitu peringkat baligh.

Dalam proses perkembangan ini, keimanan kepada Allah menerusi akidah yang mantap dalam diri remaja amat penting. Ini bertujuan untuk menanamkan benih

tauhid ke dalam jiwa remaja seterusnya mengetahui kewajibannya kepada Allah secara jelas, serta mengetahui apa yang boleh dan apa yang dilarang (Ulwān 1992). Ini bersesuaian dengan peradaban yang digariskan kepada remaja Islam masa kini iaitu bukan melihat dari aspek kebendaan semata-mata. Dalam konteks pematapan akidah, tindak balas sosial dan persekitaran terhadap perubahan emosi yang berlaku membina pengalaman remaja dan akhirnya membentuk pemikiran dan cara bertindak termasuk dalam konteks pandangan mereka terhadap perkara yang berkaitan dengan akidah.

Akidah merupakan elemen yang paling utama dalam membina peradaban remaja. Remaja yang beradab adalah remaja yang mempunyai akidah yang mantap. Akidah mempunyai peranan penting dalam membentuk insan sempurna sehingga mewujudkan masyarakat yang harmoni dan membangunkan ummah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Mohd Fauzi 2010). Namun realiti yang berlaku masa kini memberikan implikasi dalam membentuk peradaban remaja berlandaskan ajaran Islam. Proses globalisasi yang melanda seluruh dunia hari ini telah mewujudkan krisis dan kemelut peradaban era moden dan pasca moden yang melibatkan golongan remaja sedangkan golongan ini bertanggungjawab menggalas amanah sebagai generasi seterusnya. Elemen ini perlu dititikberatkan agar remaja tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang boleh merosakkan akidah.

Ideologi dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam semakin berleluasa melalui perkembangan teknologi masa kini. Islam liberal, pluralisme sekularisme umpamanya, merupakan satu ancaman yang boleh menjauhkan remaja dari ajaran Islam yang sebenar. Wujud pengaruh yang cuba menyelewengkan akidah dan ajaran sesat yang boleh memesongkan akidah umat Islam (Siti Zubaidah 2010). Apabila pengaruh ini tidak ditangani, ia akan menjejaskan akidah remaja kerana sudah ada gerakan-gerakan untuk mempengaruhi remaja melalui *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram*, *Blog* dan media sosial yang lain. Di sinilah peranan dakwah dalam menangani krisis yang berlaku melalui pendekatan dakwah yang sesuai dalam memantapkan akidah remaja. Ini amat penting bagi menjamin kelangsungan sesebuah peradaban.

Banyak cadangan yang diutarakan dalam usaha membanteras penyelewengan akidah memandangkan wujudnya ajaran sesat dan aliran pemikiran baharu yang cuba memesongkan akidah antaranya dengan meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat Islam melalui pelbagai medium dakwah yang berkesan (Wan Mohamad 2010). Dari sudut undang-undang juga terdapat peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang pertadbiran agama Islam yang menjaga akidah umat Islam melalui institusi pendidikan, pentadbiran dan penguatkuasaan (Jasni Sulong 2016). Usaha yang dilakukan dalam membendung penyelewengan akidah

dilihat dari dua sudut iaitu pertama, langkah pencegahan melalui usaha dakwah dan kedua, penguatkuasaan undang-undang dalam memastikan akidah umat Islam terpelihara dengan baik dan sempurna. Ini adalah kerana dalam aspek menangani isu penyelewangan akidah, bukan hanya terletak pada perundangan sahaja sebaliknya perlu dipertingkatkan kesedaran beragama seseorang melalui kesedaran pentingnya menjaga akidah menerusi amalan dan tindakan (Siti Zubaidah 2010). Kesedaran perlu wujud dalam diri individu yang memerlukan motivasi dan pendekatan bersesuaian dalam memantapkan akidah. Melalui akidah yang mantap memberi kesan dalam amalan ibadah dan perlakuan akhlak individu. Bagi memantapkan akidah remaja dalam melahirkan remaja yang beradab dan berakhlak mulia, pendekatan dakwah yang berasaskan kejiwaan iaitu *targhīb* dan *tarhīb* amat penting diimplementasi dalam kalangan remaja.

## **METODOLOGI**

Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah data kualitatif iaitu menggunakan analisis dokumen bagi mengkaji konsep pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb*. Sumber data sebagai rujukan ialah al-Quran sebagai sumber utama. Sumber kedua ialah buku karangan sarjana Islam seperti, *Al-Muntaqa min Kitāb al-Taghrīb wa al-Tarhīb li al-Mundhirī* karangan al-Qaradāwī (1989), *Al-Targhīb wa al-Tarhīb* karangan al-Asbahāni (1993), *Manhaj al-Quran al-Karīm fī Islāh al-Mujtamaʿ* karangan Muhammad al-Sayyid Yūsuf (2004), *al-ʿAqāid al-Islāmiyyah* karangan al-Sayyid Sābiq (2011), kitab *Usūl al-Daʿwah* karangan ʿAbd al-Karīm Zaydān (2013), *Al-Mustakhlās fī Tazkiyah al-Anfus* karangan Saʿid Hawwā (2005). Selain jurnal, artikel, laporan, kertas kerja seminar, tesis serta buku. Secara umumnya, fokus makalah ini dinilai dan dianalisa melalui artikel, buku dan kertas kerja yang membincangkan tentang akidah dan pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb*.

## **PENDEKATAN KE ARAH PERUBAHAN REMAJA MELALUI TARGHĪB DAN TARHĪB**

Bagi melahirkan remaja yang mempunyai peradaban dan memenuhi pengamalan agama yang kukuh memerlukan pendekatan dakwah. Dakwah menggunakan pendekatan psikologi merupakan sebahagian daripada metodologi dakwah kerana memberi pengaruh dan kesan yang besar kepada sasaran (Ab. Aziz 2001). Dalam membincangkan mengenai pendekatan dakwah, pelbagai istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam bidang dakwah iaitu metode, uslub, manhaj dan wasilah. Perkataan metode, uslub, manhaj, pendekatan, cara dan kaedah mengandungi pengertian yang sama. Ab. Aziz Mohd Zin (2001) menjelaskan dalam bukunya *Metodologi Dakwah*, semua perkataan tersebut dikaitkan dengan dakwah, sama dengan pengertian metodologi dakwah iaitu dalam kumpulan yang sama dari sudut pengertiannya. Zaydān

(2013) menggunakan istilah metode dakwah yang bermaksud ilmu pengetahuan yang bersangkutan paut dengan penyampaian dakwah iaitu; manhaj, metode dan uslub. Uslub dan pendekatan mempunyai persamaan dalam aspek yang meliputi cara, kaedah atau metode. Uslub *targhīb* dan *tarhīb* termasuk dalam salah satu pendekatan dakwah. *Targhīb* dan *tarhīb* juga dikenali sebagai *Tabsyīr* dan *Indhār* (Sharifah Norshah 2009). Pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* memberi kesan kepada golongan sasaran terutama untuk menjadikan remaja yang mempunyai peradaban dengan akidah yang mantap.

Pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* menggunakan peneguhan positif dan negatif iaitu pembalasan yang baik dengan nikmat syurga dan pembalasan yang buruk dengan azab neraka. al-Quran dan Sunnah menggunakan kedua-dua jenis peneguhan ini untuk mempengaruhi sasaran. Firman Allah SWT (al-Sajdah 32: 19-20) yang bermaksud:

Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan beroleh syurga tempat tinggal yang tetap sebagai balasan bagi apa yang mereka telah kerjakan. Dan sebaliknya orang-orang yang fasik, maka tempat kediaman mereka ialah neraka; tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, mereka dikembalikan kepadanya serta dikatakan kepada mereka “Rasalah azab neraka yang kamu sentiasa mendustakannya di dunia dahulu.

Konsep *targhīb* dan *tarhīb* berdasarkan ayat al-Quran yang menjadi landasan teori bahawa iman manusia bertambah dan berkurang yang memerlukan peneguhan dari aspek motivasi menurut perspektif dakwah. Firman Allah SWT (Surah al-Taubah 9: 124) yang bermaksud:

Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): “Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan surah ini?” Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka sedang mereka bergembira dengan turunnya.

Akidah atau iman manusia bertambah dan berkurang ini juga terdapat dalam surah berikut surah al-Imrān 3: 173, surah al-Ahzāb 33: 22 dan surah al-Fath 48: 4. Keperluan kepada peneguhan dari luaran dan dalaman amat penting bagi meningkatkan ketakwaan individu. Dorongan dalam melaksanakan perintah Allah sesuai menggunakan pendekatan psikologi dakwah kerana kaitannya dengan jiwa seseorang. Kebanyakan pengkaji meletakkan pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* di bawah pendekatan motivasi (Fariza 2010; Khazri 2015; Mohamed Hamdan 2018). Pengkaji berpandangan pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* diletakkan di bawah kategori yang berasingan sebagai salah satu pendekatan psikologi dakwah bagi

meluaskan lagi skop psikologi dakwah itu sendiri. Ini kerana kehidupan manusia berteraskan ketuhanan atau kerohanian berbanding dengan kemajuan yang berbentuk kebendaan bagi mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat (Mohd Fauzi 2002). Aspek kerohanian kehidupan di akhirat bukan matlamat utama kalangan sarjana Barat. Manakala sarjana Islam banyak mengupas *targhīb* dan *tarhīb* di bawah satu tajuk yang khusus dalam membincangkan hal yang berkaitan akidah, syariat, ibadah dan akhlak (al-Asbahāni 1993; al-Mundhīrī 2003; al-Qaraḍāwī 1989; Yūsuf 2004). Pendekatan yang khusus berkait dengan jiwa manusia amat penting diimplementasi dalam segenap aspek kehidupan manusia terutama dalam membina peradaban Islam berteraskan akidah sebenar.

Dalam hal ini motivasi secara *targhīb* dan *tarhīb* merupakan konsep motivasi dalam pendekatan dakwah yang boleh mendorong remaja untuk meningkatkan kehidupan mereka dalam beragama. Ini kerana kesan daripada konsep motivasi ini, remaja mampu mendidik dan mendorong diri melakukan kebaikan dan menghindarkan diri daripada perkara mungkar (Mohamed Hamdan et al. 2018). Peneguhan dalam membina peradaban remaja dalam memantapkan akidah boleh menggunakan konsep *targhīb* dan *tarhīb*.

Menurut °Ulwān (1992) bimbingan ini dilakukan secara berperingkat sehingga generasi Islam mempunyai keimanan yang kukuh dan tertanam dalam fikirannya akidah yang mantap, nescaya perkara yang batil dan merosakkan tidak mampu menguasai hatinya dan fikirannya yang matang. Ini kerana jiwanya yang beriman memiliki akidah yang kukuh serta keyakinan yang teguh dan kesedaran yang sempurna. Bimbingan berkaitan akidah perlu dilakukan secara berperingkat dan setiap peringkat harus sesuai dengan tahap ilmu dan kematangannya.

Dalam aspek dakwah, terdapat tiga cara dakwah yang harus dilakukan iaitu, dengan cara hikmah, cara nasihat yang baik dan dengan cara perbincangan. Ketiga-tiga cara tersebut merupakan asas utama kepada pendekatan dakwah. Al-Bayānūnī (1995) meletakkan *targhīb* dan *tarhīb* serta mengingatkan pahala dan pembalasan di bawah uslub *al-mau'izah al-hasanah*. Menurut Fariza (2006) antara pendekatan psikologi dakwah yang sesuai digunakan terhadap sasaran dakwah iaitu melalui pendekatan emosi, pendekatan minda dan pendekatan motivasi yang merupakan dorongan dan pujukan bagi meningkatkan motivasi diri. Dalam konteks membina peradaban remaja dalam aspek pemantapan akidah, pendekatan motivasi menurut perspektif dakwah iaitu *targhīb* dan *tarhīb* lebih sesuai kerana sumbernya daripada al-Quran dan Sunnah. Pendekatan dari sudut motivasi Islam iaitu pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* berperanan dalam memantapkan akidah remaja khususnya. Ini kerana pendekatan ini merupakan dorongan dan pujukan bagi meningkatkan motivasi diri.

Menurut Syed (2005), *targhīb* dan *tarhīb* dalam syariah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pelbagai keadaan, pelbagai bentuk kejiwaan dan pelbagai sikap yang diambil. Bentuk *targhīb* dan *tarhīb* sama ada penyelesaian kepada masalah dan juga bentuk gembira dan ancaman kerana adanya perkaitan dengan jiwa manusia. Jiwa yang gemarkan kepada kebaikan perlu didorong dengan *targhīb* manakala jiwa yang gemar kepada kemungkar perlu disekat dengan amaran serta menakutkan mereka dengan akibat perbuatan mungkar. *Targhīb* menggesa dan mendorong seseorang supaya melakukan ibadat kerana melalui ibadat boleh menghalang sifat keji dan mungkar. Firman Allah SWT (Surah Ali-‘Imrān 3:104) yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat tersebut menunjukkan kecemerlangan dan keistimewaan generasi didikan Rasulullah SAW. Sābiq (2011) menjelaskan pendekatan Rasulullah SAW dalam menanamkan akidah dalam hati umatnya. Kejayaan baginda dalam menyedarkan minda dan membangkitkan fitrah umatnya iaitu membawa mereka daripada penyembahan berhala dan kesyirikan kepada akidah tauhid yang diisi dengan keimanan dan keyakinan. Baginda juga berjaya membentuk satu generasi yang berbangga dengan iman dan berpegang teguh dengan kebenaran. Generasi didikan Rasulullah SAW seumpama matahari kepada dunia dan penyembuh penyakit manusia keseluruhannya. Di sini menunjukkan pentingnya akidah dimantapkan dalam membendung kelemahan akidah yang menyebabkan berlakunya kelemahan dalam semua perkara yang berkait dengan individu, keluarga, masyarakat dan negara seterusnya dalam segala aspek kehidupan (Sābiq 2011). Justeru, generasi yang berpegang kepada akidah yang mantap dan keimanan yang kukuh perlu dilahirkan dalam kalangan generasi hari ini. Di sinilah pentingnya pendekatan dakwah bersesuaian bagi membentuk keperibadian remaja.

Perdekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* bersumberkan al-Quran berasaskan kejiwaan dan keagamaan amatlah bersesuaian untuk golongan orang awam. Pendekatan ini dilihat dapat membantu remaja dalam mengukuhkan akidah. Pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* merupakan ciri penting dari manhaj al-Qur’an dalam membaiki kehidupan masyarakat. Konsep *targhīb* dan *tarhīb* dapat diulas melalui definisi berikut. *Targhīb* dari segi bahasa berasal daripada kata kerja *raghaba*. Firman Allah SWT (al-Anbiya 21: 90) yang bermaksud:

Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut.



Al-Qaradāwī (1989) memberikan maksud *taghrīb* ialah menggalakkan manusia melaksanakan ibadah kepada Allah Taala, melakukan kebaikan, beramal soleh, berakhlak mulia, dan melaksanakan segala perkara yang diperintahkan Allah Taala dalam kitab-Nya dan melalui lidah Rasulullah SAW serta memimpin manusia ke arah tersebut dengan dorongan ingin mendapatkan apa yang telah dijanjikan Allah Taala daripada balasan yang baik serta limpahan pahala di dunia dan akhirat. Menurut al-Asbahāni pula (1993) *targhīb* bermaksud dorongan dalam melakukan kebaikan dan menyukainya serta menerangkan keinginan kepada pahala dalam melaksanakan perkara sunat dan fardhu. Melalui definisi *targhīb* yang dikemukakan oleh sarjana Islam, dapat disimpulkan bahawa *targhīb* merupakan satu galakan, dorongan, memberikan kegembiraan dan juga rangsangan kepada sasaran dakwah dalam pelbagai bentuk penyampaian bersumberkan al-Quran dan Sunnah.

Manakala *tarhīb* dari segi bahasa ialah dari perkataan *rahaba*, bermaksud menakutkan orang ramai dari menjauhi diri daripada Allah Taala, mensia-siakan fardu-Nya, cuai dalam menunaikan hak-hak Allah SWT serta hak-hak hamba-Nya dengan melakukan perkara yang ditegah Allah Taala daripada perbuatan jahat dan keji dalam apa jua bidang kehidupan. Menarik manusia supaya tidak melanggar batas-batas Allah dengan cara penggerunan melalui perkara yang disediakan oleh Allah kepada sesiapa yang menderhakai dan menyalahi manhaj-Nya dengan azab di dunia dan akhirat (al-Qaradāwī 1989). Menurut al-Asbahāni (1993) *tarhīb* ialah ancaman diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang, dibenci serta perbuatan yang mengaibkan. Berdasarkan definisi *tarhīb* yang telah dikemukakan, kesimpulannya *tarhīb* ialah menakutkan, penggerunan, ancaman dan memberikan peringatan kepada sasaran dakwah terutama tentang balasan dan azab di akhirat kelak.

Keseluruhan definisi yang diberikan oleh sarjana Islam, jelas bahawa *targhīb* memberikan maksud dorongan, galakan kepada kebaikan, manakala *tarhīb* pula satu bentuk ancaman dan peringatan dalam melaksanakan perintah Allah dan juga menjauhi larangan Allah. Pengkaji berpandangan bahawa definisi yang dikemukakan oleh al-Qaradāwī bagi *targhīb* dan *tarhīb* lebih lengkap dan sesuai dalam aspek pendekatan dakwah kepada sasaran dakwah.

Motivasi dengan perasaan takut (al-Khauf) dan harapan (al-Rajāʿ) amat penting dalam membina peradaban remaja masa kini. Firman Allah (al-Rūm 30: 30) yang maksudnya:

(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan, (turunlah terus) “Agama Allah” iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya lagi) untuk menerimanya,

tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Menurut Sa'īd Hawwā (2005) dengan melaksanakan amal perbuatan yang mempengaruhi jiwa manusia akan menyembuhkannya daripada pelbagai penyakit seterusnya mendorong jiwa untuk meninggalkan perbuatan keji dan mungkar. Oleh itu, remaja yang mengalami kecelaruan emosi dari pelbagai pengaruh yang boleh menyelewengkan akidah boleh dimantapkan akidah mereka melalui pendekatan *targhīb* dan *tarhīb*. Pendekatan dakwah ini membuktikan bahawa naluri ke arah keburukan akan dapat disingkirkan seterusnya dapat menyuburkannya ke arah kebaikan dan manfaat kepada diri remaja. Hal ini amat bersesuaian dalam membina peradaban Islam dalam kalangan remaja. Kemantapan akidah pada jiwa seseorang dan iman yang ada dalam hatinya akan menentukan kualiti istiqamahnya kepada ajaran Allah. *Targhīb* merupakan satu galakan untuk melakukan ibadah kerana melalui ibadah boleh menghalang sifat keji dan mungkar dalam diri seseorang individu.

Dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran tiga elemen khusus yang ditonjolkan oleh Sa'īd Hawwā iaitu elemen *thaqafi* (keilmuan), *ruhi* (kerohanian) dan *da'awi haraki* (aktivisme) (Muhamad Alihanafiah 2011). Pembaharuan Islam yang menyeluruh dapat dilaksanakan dengan menghidupkan rohani. Sa'īd Hawwā menyatakan bahawa batas akhir dalam *taklif Ilahi* (tanggungjawab Allah SWT) adalah tauhid. Dalam membina akidah yang mantap, kemaslahatan individu dan masyarakat tidak akan tercapai melainkan dengan penyucian jiwa individu iaitu melalui amal perbuatan. Dalam aspek pendekatan dakwah *targhīb* penekanan kepada ibadah khusus dan umum amat penting. Dengan memperbanyakkan ibadah dan amal seperti solat, infak dan puasa dapat menghasilkan individu yang kuat pegangan akidah.

Kepentingan pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* dalam memantapkan akidah dan memperbaiki masyarakat antara satu ciri khas yang penting dari manhaj al-Quran. Menurut Yūsuf (2004), manhaj Islam memiliki keistimewaan tersendiri, iaitu menggabungkan antara unsur *targhīb* dan *tarhīb*. Ini berbeza dengan ajaran kemanusiaan dan perundangan konvensional lain yang hanya berasaskan *tarhīb* sahaja. Agama Islam menerapkan unsur penggabungan antara kedua-dua unsur *targhīb* dan *tarhīb*. Seksaan akhirat dapat menakutkan hati dan menggetarkan tubuh, manakala seksaan di dunia dapat menjadi penghalang antara pelaku jenayah dan jenayah itu sendiri dan kebiasaan untuk melakukannya. Ini seiring dengan tabiat jiwa manusia yang sentiasa memerlukan kedua unsur *targhīb* dan *tarhīb*.

Menurut al-Qaraḍāwī (1989), *targhīb* dan *tarhīb* terdiri dari dua asas utama iaitu asas agama yang bermaksud doktrin ganjaran dan hukuman. Mendapat ganjaran pahala bagi sesiapa yang beriman kepada-Nya dan beramal serta mentaati perintah Allah. Hukuman diberikan bagi sesiapa yang berpaling dan melakukan maksiat kepada-Nya. Doktrin ini adalah asas dalam setiap agama. Maka rukun bagi agama, ialah beriman kepada Allah dan beriman adanya pembalasan dan beramal dengan amalan soleh. Firman Allah SWT (al-Maidah 5: 69) yang bermaksud:

Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang Yahudi, dan orang Saabiin, dan orang Nasrani sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta beramal soleh, maka tidaklah ada keseimbangan terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Asas yang kedua pula ialah asas psikologi yang diiktiraf bagi mereka yang mempercayai agama dan mereka yang menolaknya. Tidak syak lagi bahawa keinginan dan ketakutan meluas pada diri manusia. Secara semula jadi, mereka menginginkan apa yang disukai dan takut terhadap apa yang mereka benci (al-Qaraḍāwī 1989). Kedua-dua asas ini membuktikan bahawa pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* merangkumi aspek spiritual dan psikologi sebagai konsep utamanya. Aspek spiritual dan psikologi ini amat bersesuaian dalam menarik sasaran kalangan remaja kerana berkait rapat dengan kejiwaan.

### Ciri *targhīb* dan *tarhīb*

Yusuf (2004) telah mengkategorikan *targhīb* dan *tarhīb* kepada empat bahagian iaitu;

1. *Targhīb* yang bersifat umum, iaitu *targhīb* dalam usaha memperoleh balasan dari Allah SWT, sama ada di dunia ataupun di akhirat serta memperoleh redha-Nya. Bentuk *targhīb* seperti ini pada umumnya menyebutkan tentang perkara syurga dan sesuatu yang telah disediakan oleh Allah SWT di dalamnya iaitu nikmat yang abadi. Firman Allah SWT (al-Tawbah 9: 72) bermaksud:

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam “Syurga ‘Adn” serta keredaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar.

2. *Tarhīb* bersifat umum iaitu *tarhīb* terhadap ketegasan, seksa dan takut mendapatkan kemarahan dan seksa dari Allah. Firman Allah SWT (al-Taḥrīm 66: 6) yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya; manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar

(layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan

3. *Targhīb* dalam mengerjakan sesuatu tertentu seperti *targhīb* dalam hal beriman kepada Allah SWT dan berjihad di jalan-Nya. Firman Allah SWT (al-Şaf 61: 10-12) yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

4. *Tarhīb* dalam mengerjakan sesuatu tertentu. *Tarhīb* dalam mengerjakan sesuatu tertentu pula terbahagi kepada dua iaitu:

Pertama: *Tarhīb* yang terbatas pada balasan di akhirat sahaja iaitu tidak mendapat seksa yang bersifat duniawi sepertimana firman Allah dalam Surah al-Nisā 4:10.

Kedua: *Tarhīb* yang menggabungkan antara seksa akhirat dengan seksa dunia di dalamnya seperti *tarhīb* terhadap pembunuhan sengaja. Firman Allah SWT (al-Nisā 4: 93) yang bermaksud:

Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.

Melalui penjelasan pembahagian *targhīb* dan *tarhīb* kepada empat bahagian, dapat menjelaskan bahawa manhaj al-Quran yang dikemukakan melalui firman Allah bagi menyelesaikan masalah kehidupan manusia amatlah jelas dan terperinci. Pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* dalam firman Allah SWT mampu mendorong manusia memilih jalan yang benar dalam kehidupan. Penyelewengan akidah dan gerakan bagi merosakkan akidah umat Islam secara tidak langsung dapat dibanteras melalui pemantapan dari sudut jiwa seseorang remaja melalui pendekatan dakwah ini.

Zaydān (2013) mengemukakan tujuan *targhīb* dan *tarhīb* dengan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu, *targhīb* bertujuan untuk mencapai keredaan dan rahmat Allah serta mendapat pahala pada hari akhirat serta memberikan kegembiraan tentang pahala yang akan diperolehi di hari akhirat. Manakala kebaikan

di dunia bagi yang menerimanya. Tujuan *tarhib* pula ialah menakutkan manusia tentang kemurkaan Allah serta azab pada hari akhirat dan menakutkan dengan azab yang pedih serta kesengsaraan di dunia bagi yang menolaknya.

Akidah ialah membenarkan sesuatu, percaya dan meyakinkannya tanpa sebarang syak dan ragu. Iman merupakan akidah dan asas terbinanya hukum syariat Islam (Sābiq 2011). Akidah merujuk kepada perihal keimanan, kepercayaan serta keyakinan. Akidah dan keimanan merupakan dua istilah yang mempunyai konotasi makna yang sama (Zakaria 2017). Al-Quran mengungkapkan akidah dengan istilah iman. Firman Allah SWT (Surah Yunus 10: 9) yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu. (Mereka masuk ke taman yang) sungai-sungainya mengalir di bawah tempat kediaman mereka di dalam syurga yang penuh nikmat.

Ibn Kathīr (2003) mentafsirkan ayat tersebut merupakan khabar orang yang bahagia iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah, membenarkan para rasul dan melaksanakan apa yang diperintahkan, lalu mereka melakukan amalan soleh, sesungguhnya Allah akan memberi petunjuk kerana keimanan mereka iaitu jalan yang lurus pada hari kiamat sehingga mereka melaluinya dan masuk ke dalam syurga (Ibn Kathīr 2003). Ganjaran syurga pada hari akhirat merupakan kelebihan dan keistimewaan yang Allah berikan kepada golongan yang beriman serta taat dan patuh kepada perintah-Nya.

Akidah ialah yang diimani seseorang dengan perlakuan atau gaya hidup individu. Akidah yang sejati bukan hanya semata-mata tumpuannya pada perbuatan atau amalan dengan lidah, anggota badan dan mental sahaja, malahan secara tepatnya merujuk kepada kerja atau pelaksanaan yang berlaku pada peringkat spiritual seseorang manusia (Zakaria 2001). Kehidupan seseorang muslim terbina atas dasar akidah, akhlak dan syariat. Ketiga-tiga asas ini merangkumi keseluruhan kehidupan muslim dari segi aspek keyakinan, ibadah dan tingkah laku. Akidah atau keyakinan terhadap keesaan Allah SWT merupakan tunjang utama dalam kehidupan seseorang muslim. Islam amat menekankan soal pembangunan, namun ia lebih memberi keutamaan kepada aspek pembangunan yang berteraskan ketuhanan atau kerohanian berbanding dengan kemajuan yang berbentuk kebendaan agar manusia bukan sahaja mendapat kebaikan di dunia, tetapi mendapat juga kebaikan di akhirat (Mohd Fauzi 2002). Dalam konteks permasalahan akidah yang berlaku dalam kalangan generasi baru, maka pasakan pegangan akidah yang kukuh dan mantap merupakan satu kemestian (Zakaria 2017). Ini menjelaskan kepentingan akidah Islam kepada generasi kini kerana akidah bukan sekadar dilafazkan melalui bibir tanpa adanya iman di dalam hati. Ini menunjukkan kepentingan dan hubungan peradaban dengan

agama. Daripada asas yang kukuh dalam akidah, akhlak dan syariat membawa kepada generasi yang mengamalkan Islam sepenuhnya.

Akidah menjadi asas utama membentuk diri manusia menjadi seorang mukmin dan Muslim. Tertakluk di bawah akidah itu iman dan Islam yang kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Iman membentuk manusia mempercayai Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, takdir baik dan buruk. Manakala Islam membentuk manusia beramal ibadat seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya (Mohd Zamir et al. 2009). Menurut ‘Ulwān (1992) akidah Islam, bimbingan agama dan hubungannya dengan Allah Taala, sekiranya tidak diambil perhatian serius seseorang anak akan membesar dalam dunia kejahatan dan penyimpangan serta berkembang terhadap kesesatan dan ateisme. Bahkan jiwanya juga akan dikendalikan oleh hawa nafsu. Sekiranya perkara ini tidak diambil serius dan tiada tindakan yang sewajarnya dilakukan, akan mewujudkan generasi baru yang tidak mempunyai peradaban dan keruntuhan tamadun akan berlaku.

Berlaku keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam kalangan remaja semakin meningkat kepada budaya yang tidak sihat. Hal ini menunjukkan bahawa jati diri Islam dalam kalangan remaja yang semakin pudar (Hashim Haji Bedu et al. 2008, Mohd Isa Hamzah et al. 2013). Terdapat golongan remaja terlibat dengan kumpulan *Black Metal* yang boleh merosakkan akidah yang mengakibatkan berlakunya murtad. Kegiatan kumpulan ini merupakan sesuatu yang terancang bertujuan memesongkan akidah golongan remaja Islam melalui hiburan muzik melampau yang menyelitkan di dalam lagu, senikata yang berunsurkan pemujaan kepada syaitan, menolak kewujudan Tuhan, mengamalkan seks rambang dan melakukan keganasan (Abdullah 2006). Pengaruh muzik memberikan kesan kepada jiwa remaja sehingga mendorong berlakunya gejala murtad. Kajian yang dilakukan oleh Cheong (2012) berkenaan murtad dalam kalangan Melayu di Malaysia, kajian mendapati, responden berminat dengan ajaran Kristian antaranya melalui hiburan dan nyanyian. Dua daripada respondennya murtad dan menerima ajaran Kristian kerana tertarik dengan instrumen muzik di gereja. Remaja yang terlibat dalam gejala murtad seawal usia 12 hingga 19 tahun. Akidah Islamiah yang kuat dan teguh, akan menjadikan seseorang itu bersikap baik dan tidak lagi melakukan penyelewengan terhadap perintah Allah SWT (Asming Yalawee et al. 2011). Kepentingan akidah sebagai benteng menangkis anasir luar yang boleh menggugat kefahaman dalam melaksanakan amalan menurut ajaran Islam yang benar amat penting. Ini kerana banyak aspek dan gejala yang merosakkan dan boleh membatalkan akidah remaja semakin berleluasa.

Iman merupakan asas terpenting dalam kehidupan beragama seseorang individu. Tanpa asas iman yang kukuh, boleh membawa kepada kerosakan akidah. Fariza

(2005) menyatakan bahawa remaja memerlukan persediaan diri dari aspek kekuatan jiwa dan iman. Remaja yang tidak mempunyai kekuatan jiwa dan iman sudah pasti menghadapi masalah. Golongan remaja perlu mempergiatkan usaha untuk membina kekuatan diri, jiwa dan iman sebagai benteng dalam menghadapi masalah hidup. Menurut Fariza (2005) keperluan bagi seseorang pendakwah untuk mempelbagaikan pendekatan yang sesuai dengan sasaran, masa dan tempat sebagaimana prinsip asas yang telah digariskan oleh al-Quran dan Sunnah. Kepelembagaan ini penting bagi menyeru, mengajak dan membimbing manusia ke arah kebaikan, salah satunya ialah melalui pendekatan psikologi dakwah, motivasi, bimbingan kaunseling dan *tazkiyah al-nafs*.

Permasalahan akidah berkait rapat dengan keagamaan seseorang. Sumber penyakit jiwa manusia kerana jahil kepada Allah, ingkar tentang kewujudan Allah, tidak mengakui dirinya sebagai hamba Allah serta tidak mahu mengikuti ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Di sinilah peranan pendakwah untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan keimanan terhadap akidah Islam sebagai ubat bagi penyakit jahil (Zaydān 2013). Permasalahan yang berkaitan dengan keagamaan adalah sesuai menggunakan pendekatan dakwah untuk menyelesaikannya. Melalui penjelasan Zaydān, pendekatan yang terbaik iaitu memantapkan keyakinan dan iman kerana iman atau akidah inilah yang menjadi benteng mereka dari maksiat.

Pendekatan dakwah yang berjaya ialah dengan mengklasifikasikan penyakit sasaran dakwah serta mengenali ubat bagi setiap penyakit. Memberikan pendidikan dan pengajaran serta mencegah daripada berulangnya penyakit tersebut merupakan tugas pendakwah (Zaydān 2013). Dalam dakwah, pendekatan dakwah *targhib* dan *tarhib* merupakan salah satu pendekatan yang berbentuk motivasi iaitu berbentuk galakan dan peringatan bagi memantapkan akidah remaja.

Iman yang menjadi teras akidah manusia boleh bertambah dan berkurang. Oleh itu, perlu diberi pengukuhan dan pementapan yang jitu. Dalam konteks Islam, kadar keimanan manusia digambarkan sentiasa dalam keadaan bertambah dan berkurang. Menurut Imam Syafi'i, iman ialah perkataan dan perbuatan, bertambah dan berkurang. Bertambah iman seseorang dengan ketaatan dan berkurang iman dengan maksiat (al-<sup>c</sup>Asqalāni 1986). Hal ini diperincikan oleh al-<sup>c</sup>Asqalāni (1986) dalam kitabnya *Fath āl-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, iman itu adalah perkataan dan perbuatan, dapat bertambah ataupun berkurang. Firman Allah SWT (al-Fath 48: 4) yang bermaksud:

Dialah yang menurunkan ketenteraman ke dalam hati orang yang beriman, agar mereka bertambah iman beserta iman mereka yang sedia ada; milik Allahlah tentera langit dan bumi; dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Seterusnya firman Allah berkaitan konsep iman dan ketakwaan kepada Allah Taala. Firman Allah SWT (al-Anfaal 8: 2) yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-Nya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa tugas manusia hanya menerima segala maklumat berkaitan persoalan alam ghaib dengan patuh dan yakin tanpa mempertikaikan sesuatu. Allah sahaja satu-satunya sumber mengenai hakikat alam tersebut. Terdapat setengah golongan menerima dengan penuh keyakinan dan setengah yang lain pula menerimanya dengan keimanan yang semakin bertambah kukuh. Oleh itu, melalui tafsiran ayat ini, jelaslah bahawa usaha meningkatkan keimanan dalam membina peradaban remaja yang utuh memerlukan satu mekanisme yang bersesuaian dengan sasaran dakwah.

Pelaksanaan pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* dalam memantapkan akidah remaja telah diimplementasi di sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam perkara berkaitan akidah masyarakat Islam di Malaysia iaitu Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM). Matlamat IPHAM adalah “Menjadi *focal point* menangani cabaran akidah semasa serta menjadi *excellent centre* dalam hal ehwal berkaitan akidah”. IPHAM telah menganjurkan pelbagai program untuk melatih dan melahirkan tenaga pakar di samping membina masyarakat yang kukuh akidahnya di bawah dua kluster iaitu Kluster Perkaderan (KPA) dan Kluster Pemantapan dan Ilaj (KPI). Berdasarkan laporan JAKIM (2018) bagi tahun 2015 sebanyak 33 program dilaksanakan pada tahun 2016 dan sebanyak 29 program dilaksanakan. Keseluruhan program bagi tahun 2017 ialah sebanyak 46 program. Manakala bagi tahun 2018 pula sebanyak 33 program telah dilaksanakan (IPHAM 2018).

Pelaksanaan pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* dalam mengukuhkan pengamalan ajaran Islam untuk membina remaja yang mempunyai peradaban seterusnya boleh membina satu tamadun bangsa yang berasaskan Islam dilaksanakan melalui slot ceramah, perbincangan, penerangan, soal jawab dan diskusi yang dilaksanakan dalam kursus anjuran IPHAM. Pendekatan *targhīb* dan *tarhīb* diimplementasi bagi memantapkan akidah remaja serta memberikan kesan dalam jiwa mereka tentang akibat pelanggaran syariat dan akidah yang salah (Nor Azizah 2019). Penggunaan pendekatan ini sebagai galakan dan dorongan supaya remaja berlumba-lumba meningkatkan amal perbuatan dan keimanan mereka kepada Allah SWT seterusnya menjauhi perbuatan maksiat yang boleh memberi kesan dalam membentuk satu tamadun yang utuh.



## HASIL DAN PERBINCANGAN

Rasulullah SAW telah membuktikan pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* ini dapat menggerakkan jiwa dan hati seseorang kepada yang lebih baik antaranya sebagaimana dalam surah al-Thaghabun 64: 8-9 dan surah Muhammad 47: 12. Kajian juga banyak menunjukkan pendekatan dakwah ini diguna pakai dalam bidang pendidikan di pelbagai institusi dalam membentuk keperibadian Muslim mengikut acuan Islam sebenar. Kajian pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* menunjukkan perkembangan positif dalam aspek pendidikan, mendorong perubahan dari sudut keperibadian dan memperbaiki kesilapan dan kejahilan lampau remaja (Siti Aziah 2014; Jawiah Hj Dakir et al. 2009; Sharifah Norshah 2009). Pendekatan dakwah ini yang menjurus kepada hati remaja diperakui mampu merubah personaliti seseorang kepada kebaikan melalui galakan dan ancaman. Tambahan pula pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* ini bersumberkan al-Quran dan Sunnah yang lengkap dan sesuai dalam menangani permasalahan remaja. Peradaban yang dibina berasaskan akidah yang benar menjamin kualiti generasi seterusnya.

Ketika usia remaja dalam proses menuju kedewasaan, pendidikan perlulah difokuskan kepada iman kepada Allah, takut kepada-Nya dan merasakan pengawasannya. Pada peringkat usia remaja, berlaku perubahan yang pesat sama ada perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan. Untuk mengimbangi perubahan ini, golongan remaja sering berhadapan dengan masalah dan konflik (Fariza & Azyyati 2015). Dalam kecelaruan emosi, pembinaan peradaban remaja perlu diperkukuhkan, kerana ketika usia remaja inilah proses menuju kedewasaan, pendidikan perlu difokuskan kepada iman kepada Allah, takut kepada-Nya dan merasakan pengawasannya-Nya supaya remaja tidak terjerumus dalam perbuatan maksiat.

Pemantapan akidah, perlu kepada pendekatan dakwah untuk memastikan keimanan sentiasa bertambah dengan menekankan aspek kehambaan kepada Allah Taala. Melihat kepada situasi masa kini, pendekatan dakwah secara motivasi amatlah sesuai dalam memantapkan akidah remaja. Teori pembangunan manusia yang dikemukakan oleh sarjana Barat umpamanya Teori Maslow dilihat sesuai diimplementasi dalam memotivasikan manusia dan diguna pakai dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Namun teori motivasi yang memotivasikan individu untuk bergerak memajukan diri ada kelemahannya iaitu tidak meletakkan asas ketuhanan sebagai dasar bagi keperluan manusia (Nor Nazimi et al. 2017). Aspek kerohanian juga diketepikan jika Barat dijadikan rujukan kerana pendekatan Barat menerima pengaruh luaran dalam membentuk tingkah laku seseorang (Khalim et al. 2010). Aspek kerohanian atau persoalan *al-Ruh* antara topik perbincangan yang membezakan antara ahli psikologi Islam dengan ahli psikologi Barat (Fariza 2016).

Teori Skinner merupakan contoh teori motivasi barat yang ada kelemahannya. Aplikasi teori tersebut menekankan tingkah laku seseorang individu dibentuk menerusi proses peneguhan dan hukuman. Kekurangan teori Skinner ini, andaian bahawa motivasi seseorang meningkat hanya sekiranya diberikan peneguhan.

Di sinilah perlunya pendekatan motivasi menurut perspektif Islam diketengahkan. Ini kerana dalam perspektif Islam, tingkah laku seseorang individu itu signifikan dengan tahap ketakwaan dan keimanan mereka terhadap Allah (Muhammad Faizal et al. 2017). Pendekatan dakwah *targhib* dan *tarhib* amat sesuai dalam melahirkan muslim yang sentiasa terdorong dalam melaksanakan amalan soleh. Melalui kaedah dakwah mampu memberikan perubahan dalam aspek akhlak, sikap, sahsiah dan spiritual. Dorongan melakukan kebaikan adalah intipati dalam agama Islam bagi merubah manusia (Fariza 2017). Ini kerana setiap individu memerlukan dorongan atau motivasi dalam meningkatkan ketakwaan dan amalan. Penekanan kepada pendekatan dakwah ini sebagai satu kaedah bagi merubah remaja yang memiliki kesemua elemen asas agama Islam seterusnya menjadikan remaja yang beradab. Asas utama yang perlu diberi penekanan iaitu menanamkan akidah yang mantap kepada generasi kini.

Cabaran utama dan besar tentang bagaimana untuk menanamkan akidah itu supaya berfungsi dengan baik seterusnya semakin bertambah keyakinan dan kekuatannya dalam menghadapi arus kemodenan contohnya dalam menghadapi revolusi industri 4.0. Zakaria (2017) menekankan tentang aspek pendidikan akidah, kerana melalui pendidikan, pegangan akidah dapat diperkukuhkan dalam penghayatan diri seseorang Muslim.

Saranan al-Ghazali yang dikemukakan oleh Zakaria (2017) menunjukkan kepentingan iman dan akidah. Daripada penjelasan yang dikemukakan oleh beberapa sarjana dalam bidang dakwah seperti Sa'id Hawwā, al-Asbahāni dan Zaydān, dapat dibuat rumusan bahawa pendekatan dakwah *targhib* dan *tarhib* merupakan satu metode atau pendekatan dalam dakwah yang menjurus kepada jiwa manusia yang bersifat motivasi dari sudut memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Oleh itu, pendekatan dakwah ini boleh digunakan oleh para pendakwah dalam membantu memotivasikan manusia dalam meningkatkan keimanan kepada Allah Taala.

Hal ini, menunjukkan betapa pentingnya dorongan kepada manusia dalam memantapkan akidah. Melalui pandangan Sa'id Hawwā dapatlah dibuat rumusan bahawa manusia perlu didorong supaya manusia ada kecenderungan untuk melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan Allah dalam

usaha memantapkan akidah mereka. Ini kerana berdasarkan perbincangan, manusia mempunyai naluri yang mana boleh dididik dan didorong, Tambahan pula iman manusia boleh turun dan naik, perlu diperkukuhkan dan sentiasa dimantapkan. Di sinilah motivasi melalui pendekatan dakwah *targhib* dan *tarhib* sesuai dilakukan. Pelbagai kajian juga telah menunjukkan tentang pendekatan dakwah secara *targhib* dan *tarhib* mampu menyelesaikan permasalahan ummah masa kini

## KESIMPULAN

Masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja adalah kerana tidak berpegang kuat dengan ajaran agama dari sudut akidah, ibadah dan akhlak. Remaja yang masih diperingkat perkembangan emosi dan minda, perlu dimantapkan dengan akidah Islam melalui pendekatan dakwah yang boleh mendorong jiwa remaja mereka. Ini kerana peranan mereka sebagai agen perubahan dan bakal pemimpin yang akan menerajui peradaban, akidah Islam yang mantap perlu diperkukuhkan. Apabila kegerunan terhadap melanggar perintah Allah ditanamkan dalam jiwa mereka, sudah pasti mereka tidak berani untuk melanggarnya, sebaliknya jiwa mereka didorong untuk mentaati perintah Allah serta melakukan kebaikan. Dalam membina peradaban remaja, elemen utama yang perlu dititikberatkan iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga elemen ini berperanan menjadikan remaja beradab. Asas utama yang perlu diberi penekanan adalah akidah yang menjadi tunjang dan pasakan bagi melahirkan remaja yang taat kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Dalam membentuk satu tamadun yang kukuh memerlukan pendekatan dakwah yang bersesuaian kepada golongan remaja. Dalam konteks ini, pendekatan *targhib* dan *tarhib* amat bersesuaian bagi memantapkan akidah remaja seterusnya membina remaja yang beradab dalam pengamalan agama. Walaupun terdapat pelbagai teori motivasi bagi membina peradaban remaja, didapati teori Barat kurang sesuai diimplementasi kerana tidak menekankan aspek kerohanian. Dalam perspektif psikologi dakwah, pendekatan *targhib* dan *tarhib* sesuai dan bertepatan dalam memotivasikan remaja. Ini kerana pendekatan dakwah *targhib* dan *tarhib* bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Pendekatan dakwah ini membuktikan bahawa naluri ke arah keburukan akan dapat disingkirkan seterusnya dapat menyuburkannya ke arah kebaikan dan manfaat kepada diri remaja. Di sinilah dapat melahirkan remaja yang mengikut landasan syariat Islam dan konsep beragama diperkukuhkan seterusnya membina peradaban yang sempurna dan jitu atas asas akidah yang kuat.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan AP-2017-001/3.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2013. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Abdul Rahman. 2006. Black metal: Unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam* 19: 143-52.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. 2015. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Edisi ketiga. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- al-°Asqalāni, Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar. 1986. *Fath al-Bāri bi Sharh Sahīh al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Rayān li al-Turāth.
- al-Asbahāni, Abī al-Qāsim Ismā‘īl Ibn Muhammad Ibn al-Fādhl al-Jawzī. 1993. *Al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Jilid 1. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Asming Yalawee, Mustafa ‘Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. Akidah: Peranan dan kepentingannya dalam memelihara keharmonian rumah tangga. *Jurnal Usuluddin* 33: 1-172.
- al-Bayanūnī, Muhammad Abu al-Fatḥ. 1995. *Al-Madkhal ilā ‘Ilmi al-Da‘wah*. Beirut: Muassasat al-Risālah.
- Cheong, John. 2012. The socio-religious identity and life of the Malay Christians of Malaysia. Tesis Dr. Fal. Trinity International University Illinois: United States.
- Dolgin, Kim Gale. 2011. *The Adolescent: Development, Relationship and Culture*. Boston: Pearson Education.
- Fariza Md. Sham. 2005. Tekanan emosi remaja Islam. *Jurnal Islamiyyat* 27 (1): 3-24.
- Fariza Md. Sham. 2010. The approaches of da’wah in helping the social problems among the adolescents and its applications by the da’wah organization in Malaysia. *Jurnal al-Hikmah* 1: 99-113.
- Fariza Md Sham. 2016. Elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden: Satu alternatif. *Global Journal al-Thaqafah* 6 (1): 75-86.
- Fariza Md. Sham. 2006. Perkembangan moral, sosial remaja dan pendekatan psikologi dakwah. Dlm. *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, disunting oleh Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fariza Md Sham. 2017. Perubahan sosiobudaya dan hubungannya dengan Peradaban Islam. Dlm. *Peradaban Islam*, disunting oleh Jawiah Dakir, Fariza Md Sham & Mujahid. Bangi: Penerbit UKM.
- Fariza Md Sham. 2018. Gen Z dan isu perpaduan. Kertas kerja *An International Colloquium on Integration Platform, Binding Differences and Diversity*. Anjuran Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 15 November.
- Fariza Md Sham & Azyyati Mohd Nazim. 2015. Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko: Fokus pendekatan bimbingan jiwa. *Jurnal Hadhari* 7 (2): 63-73.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga; Isu dan Cabaran. Kertas kerja *Seminar Kaunseling Keluarga*, 51-62.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl ʿUmar. 2003. *Tafsir al-Quran al-ʿAzīm*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2018. *Laporan Tahunan IPHAM 2017*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jasni Sulong. 2016. Pemeliharaan akidah Islam: Analisis daripada sudut penguatkuasaan undang-undang dan fatwa di Pulau Pinang. *Jurnal Afkar* 18 (Edisi Khas): 1-34.
- Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek & A'dawiyah Hj Ismail. 2009. Bimbingan agama dan metodologi dakwah di institusi pemulihan: Kajian kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal ILIM* 2: 9-20.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalim Zainal Aminudin Basir@Ahmad Akila Mamat. 2010. Pembentukan tingkah laku remaja menurut Barat dan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 3: 19-32.
- Khazri Osman. 2015. Pendekatan dakwah melalui targhīb dan tarhīb dalam diwan Imām Shafi'ī Rahimahullah. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia. 2018. *Laporan Tahunan IPHAM 2018*. Jelevu: Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham & A'dawiyah Ismail. 2018. Pendekatan motivasi dalam dakwah remaja. *Jurnal Hadhari* 10 (1): 77-92.
- Mohd Fauzi Hamat. 2002. Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah : Satu analisis dalam konteks masyarakat kini. *Jurnal Usuluddin* 16: 13-34.

- Mohd Isa Hamzah et al. 2013. Keberkesanan pertubuhan belia dalam menyemai jati diri Islam. *Malaysian Journal of Youth Studies* 9: 91-106.
- Mohd Zamir Bahall, Hasnan Kasan & Khairul Anwar Mastor. 2009. Majalah hiburan: Aspek membina dan merosakkan dari sudut aqidah. *Jurnal Penyelidikan Islam* 22: 205-24.
- Muhamad Alihanafiah Norasid. 2011. Manhaj Rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam pembangunan modal insan: Tumpuan kepada karya al- Asās fī al-Tafsīr. *Jurnal Usuluddin* 33: 89-112.
- Muhamad Faiz Ismail, Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Pengaruh elemen Islam liberal terhadap aqidah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu tinjauan awal. Dlm. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education*. Anjuran Sekretariat ICRIALE 2012, Elaf Kinda Hotel Mecca, Saudi Arabia, 1-2 Jun.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Kenayathulla, Saedah Siraj, Faisol Elman, Maszuria A. Ghani & Amalina Ayub. 2017. Islam masalah disiplin murid Islam: Strategi dan penyelesaian terhadap kurikulum. *Jurnal Hadhari* 9 (1): 91-110.
- al-Mundhirī, °Abd al-°Azīm °Abd al-Qawiyy. 2003. *Al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Riyadh: Maktabah al-Ma°ārif.
- Nor Azizah Mustapha. 2019. Pendekatan dakwah *targhīb* dan *tarhīb* dalam memantapkan akidah remaja di Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM). Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Nazimi Mohd, Mustaffa Jaffary Awang & Aminudin Basir@Ahmad. 2017. Teori Maslow dan kaitannya dengan kehidupan muslim. *Jurnal Hadhari* 9 (2): 275-86.
- al-Qaraḍāwī, Yūsuf Ibn °Abdullah. 1989. *Al-Muntaqa min Kitāb al-Taghrib wa al-Tarhīb li al-Mundhirī*. Dubai: al-Ahllia P.Press.
- Rohana Tan & Norhasni Zainal Abidin. 2014. Akidah, akhlak dan hubungannya dengan tingkah laku belia di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran* 1 (1): 64-79.
- Sābiq, al-Sayyid. 2011. *al-°Aqāid al-Islāmiyyah*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.
- Sa'īd Hawwā. 2005. *al-Mustakhlās fī Tazkiyah al-Anfus*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Sayyid Qutb. 2000. *Tafsir fī Zilal al-Quran*. Terj. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
- Sharifah Norshah Bani. 2009. Impak uslub tabsyir dan indhar dalam membentuk personaliti: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.

- Siti Aziah Md Saaban. 2014. Metode targhīb dan tarhīb menurut al-Quran: Aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di Shah Alam. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani ajaran sesat di kalangan umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah* 18 (2): 247-276.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2005. Pendekatan targhīb dan tarhīb dalam penyampaian dakwah. *Jurnal Usuluddin* 21: 117-38.
- °Ulwān, °Abdullah Naṣīḥ. 1992. *Tarbiyatul Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salām.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, disunting oleh Mohd Yusof Othman. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yūsuf, Muhammad al-Sayyid. 2004. *Manhaj al-Quran al-Karīm fi Islāh al-Mujtama*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Zakaria Stapa. 2001. *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. 2017. Cabaran akidah dalam revolusi industri 4.0. Kertas kerja *Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam (TAWIS 2017) Tamadun dan Peradaban Islam: Merekayasa Kreativiti dan Inovasi*. Anjuran Sekretariat TAWIS, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 14 November.
- Zaydān, °Abd al-Karīm. 2013. *Usūl al-Daʿwah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

